

UPACARA PERASMIAN LOJI JANAKUASA LUMUT PERAK DARUL RIDZWAN, 15 MEI 1997

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Segari Energy Ventures yang menjemput saya untuk merasmikan loji janakuasanya pada hari ini.

2. Projek ini merupakan salah sebuah projek yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi memenuhi keperluan tenaga elektrik negara yang berkembang pada tahap 12.8 peratus setahun, iaitu melampaui pertumbuhan keluaran negara kasar yang berada pada tahap 8.7 peratus. Dengan wujudnya program penswastaan, pertumbuhan permintaan yang pesat untuk tenaga telah membuka banyak peluang kepada usahawan tempatan untuk memasuki industri yang dahulunya merupakan hak dan urusan pemerintah. Dengan itu lahirlah 'Independent Power Producers' (atau IPP) di negara ini. Penyertaan sektor swasta telah membolehkan kita bukan sahaja menambah kuasa penjana yang besar dalam masa yang singkat bagi memenuhi permintaan yang pesat meningkat, tetapi membolehkan kita mewujudkan saingan yang sihat dalam industri ini. Pemecahan monopoli diharap akan menguntungkan pengguna di samping memberi peluang kepada pengusaha swasta mencari keuntungan serta meneroka bidang yang baru.

3. Walaupun IPP menjadi pesaing kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) tetapi di masa yang sama ia dapat mengurangkan beban pelaburan dan pengurusan yang diperlukan untuk menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap permintaan elektrik oleh negara. Dengan itu TNB dapat menumpukan kepada penjana tertentu yang dipertanggungjawabkan kepadanya dan juga peningkatan 'capacity distribution' yang lebih sesuai dengan permintaan. Lagipun bekalan hendaklah lebih terjamin dan jika sesuatu berlaku, 'fall-back position' mestilah disediakan.

4. Segari Energy Ventures merupakan IPP yang ketiga diberi lesen untuk menjana kuasa elektrik. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Segari Energy Ventures kerana berjaya melaksanakan projek janakuasa IPP yang mempunyai kapasiti terbesar di Malaysia. Saya difahamkan bahawa loji janakuasa berkapasiti 1,303 megawatt (MW) ini yang mempunyai dua blok terdiri daripada tiga tarbin gas dan dua tarbin stim telah dapat disiapkan lima setengah minggu lebih awal bagi blok pertama dan enam bulan lebih awal bagi blok kedua. Blok kedua telahpun mula beroperasi pada 10 Januari tahun ini.

5. Saya merasa bangga dengan pencapaian tersebut dan ini membuktikan sekali lagi bahawa rakyat Malaysia mempunyai kemampuan teknikal dan kewangan untuk membina projek yang besar. Setakat ini, di Semenanjung Malaysia, sebanyak lima IPP termasuk Segari Energy Ventures telah beroperasi dengan jumlah kapasiti penjana sebanyak 4,112 MW. Dengan penambahan kapasiti ini, Insya Allah negara tidak perlu kuatir dengan masalah bekalan elektrik.

6. Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati dengan kapasiti penjana yang mencukupi sahaja. Kita perlu menentukan bekalan yang terjamin

sepanjang masa. Kerajaan memang mengambil berat mengenai perkara ini. Selain daripada TNB, saya suka menyeru supaya pihak IPP juga memikul bersama tanggungjawab ini dengan menentukan loji janakuasa mereka sentiasa beroperasi dengan efisien dan diselenggara dengan rapi.

7. Selain daripada memastikan bekalan yang terjamin, kita juga perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti bekalan elektrik. Tekad dan keazaman kita untuk beralih ke arah pembangunan industri berteknologi tinggi, meletakkan bekalan elektrik yang berkualiti tinggi sebagai satu dari keperluan asas yang terpenting. Kita harus sedar bahawa persaingan untuk menarik pelabur dan industri berteknologi tinggi ini semakin sengit. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah memberi lesen kepada sektor swasta untuk membekalkan elektrik yang berkualiti tinggi bagi Kulim Hi-Tech Park. Saya jangka permintaan seperti ini tidak terhad kepada Kulim sahaja memandangkan Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan industri berteknologi tinggi ini dilokasi lain di Malaysia, seperti di Koridor Raya Multimedia (MSC). Oleh yang demikian, semua pihak yang terlibat dalam industri elektrik harus sedar bahawa pada hari ini bukan kuantiti sahaja yang diperlukan, malah yang juga diutamakan ialah penyediaan tenaga elektrik yang berkualiti.

8. Saya kerap menekankan bahawa sektor swasta hendaklah mengutamakan penggunaan bahan mentah dan kepakaran tempatan. Ini akan dapat membantu Kerajaan menangani masalah imbalan pembayaran. Sehubungan dengan ini, saya suka merakamkan penghargaan saya kepada Segari Energy Ventures kerana telah berjaya mendapatkan perkhidmatan syarikat tempatan iaitu Teknik Janakuasa Sdn. Bhd untuk melaksanakan operasi dan penyelenggaraan lojinya. Ini merupakan satu lagi langkah positif kearah memberi pengiktirafan kepada kepakaran tempatan. Saya percaya bahawa negara ini tidak kurang kepakaran dalam sektor elektrik. Apa yang perlu ialah kita sendiri mesti berani memberi keyakinan kepada pakar tempatan untuk membuktikan kebolehan mereka.

9. Langkah menggunakan kepakaran tempatan ini selain daripada dapat mengurangkan pengaliran tukaran wang asing ke luar negara, ianya akan membolehkan kita memupuk kebolehan pakar-pakar kita yang akhirnya boleh menjadi asas kepada usaha-usaha 'reverse investment.' Pada hari ini kita telah dapat melihat usahawan Malaysia bersaing untuk mendapatkan projek janakuasa di luar negara seperti di China, Kemboja, India dan beberapa negara Afrika. Ini merupakan satu perkembangan yang sihat dan Kerajaan mengalu-alukan inisiatif yang ditunjukkan.

10. Malaysia harus mengambil peluang dalam proses globalisasi jika kita tidak mahu ketinggalan. Oleh itu saya suka menyeru usahawan tempatan supaya menjuruskan tenaga dan kepakaran mereka ke arah meluaskan horizon operasi mereka. Saya yakin dengan kepakaran dan pengalaman yang telah ditimba selama ini, sektor swasta mampu bersaing dan beroperasi di luar negara.

11. Negara perlu terus melangkah ke hadapan dan tidak harus berpuas hati dengan kejayaan dalam bidang penjanaan dan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan sahaja. Agenda yang lebih besar yang perlu dicapai ialah

membangunkan industri pembuatan komponen dan fabrikasi bagi industri elektrik. Ini adalah sejajar dengan usaha negara kini untuk membina industri barang perantaraan dan pelaburan bagi mengurangkan import barangan tersebut yang merupakan 85 peratus daripada import negara. Import barangan ini akan terus besar selagi kita tidak berkemampuan mengeluarkannya sendiri.

12. Saya tidak menafikan bahawa terdapat syarikat- syarikat yang mengeluarkan komponen bagi industri elektrik. Tetapi bilangannya masih kecil dan tertumpu dalam bidang yang mudah. Oleh itu kita perlu beralih ke Komponen yang penting seperti turbin dan generator, transformer, switch gear dan kabel berkapasiti tinggi. Mungkin sektor swasta berasa sangsi untuk menceburi bidang ini kerana pasaran yang terhad di Malaysia. Saya menyeru supaya mereka memandang lebih jauh ke hadapan dan ke pasaran di luar lingkungan sempadan Malaysia.

13. Dalam melaksanakan projek janakuasa, saya ingin menegaskan Kerajaan sentiasa peka kepada aspek alam sekitar. Setakat ini, kesemua IPP yang beroperasi menggunakan gas iaitu bahan bakar yang bersih yang telah menghasilkan loji janakuasa yang lebih environmental friendly. Sehingga tahun 2000, penggunaan gas dalam penjanaan dijangka dalam lingkungan 70 peratus.

14. Selaras dengan dasar kepelbagaiaan empat bahan api dan supaya penjanaan tidak terlalu bergantung kepada gas, loji janakuasa yang akan datang hendaklah menggunakan arang batu. Walau bagaimanapun, dalam penggunaan arang batu, Kerajaan tidak mahu soal alam sekitar diabaikan. Untuk maksud ini, Kerajaan telah mensyaratkan supaya janakuasa yang menggunakan arang batu sebagai bahan bakar menggunakan `clean coal technology.` 15. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh perkara yang berhubung dengan obligasi sosial IPP. Tahniah diucapkan kepada Segari Energy Ventures yang telah menyumbangkan kepada kebajikan penduduk tempatan. Saya difahamkan syarikat ini menjadikan sebuah sekolah di sini sebagai sekolah angkat, di samping membina masjid bagi Kampong Segari dan sumbangan lain. Saya percaya sumbangan yang sama juga diberi oleh IPP lain. Kerajaan mengalukan sumbangan ini.

16. Namun demikian, Kerajaan menyeru semua IPP supaya di samping menyumbang kepada aktiviti sosial dan kebajikan, mereka juga perlu menyumbang kearah meningkat dan mengukuhkan lagi industri elektrik daripada segi R & D dan latihan. Kerajaan mengalukan persetujuan IPP untuk memberi sumbangan kepada Tabung Ses Industri Bekalan Elektrik iaitu sebanyak 1 peratus daripada jumlah turnover revenue daripada penjanaan yang dihantar ke grid. Antara lain, Tabung Ses tersebut akan digunakan untuk membantu dan mengurangkan beban Kerajaan melaksanakan program elektrik luar bandar.

17. Sekali lagi, saya ucapkan syabas dan penghargaan Kerajaan kepada Segari Energy Ventures di atas penyediaan awal loji-loji tarbin ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan loji Segari Energy Ventures di Lumut ini.